

Akibat pergolakan tidak berkesudahan di Asia Barat

# Islam dipandang serong

Oleh **RADHUAN HUSSAIN**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA NERUS 29 JULAI**

**P**ERGOLAKAN tiada kesudahan yang berlaku di Asia Barat turut memberi tamparan hebat kepada seluruh umat Islam di serata dunia termasuk di negara ini.

Ahli akademik dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaysia (UM), Prof. Datuk Mohamad Abu Bakar berkata, persengketaan sesama negara Islam di rantau itu selain pertembungan antara fahaman Syiah dan Sunni serta kewujudan kabilah yang berpuak-puak turut menyebabkan Islam dan umatnya dipandang serong.

"Apa yang berlaku di Asia Barat telah menyebabkan imej Islam di seluruh dunia terjejas, malah bukan Melayu pun membuat tanggapan serupa terhadap Islam," katanya.

Katanya, sebahagian besar permasalahan yang terus wujud itu disebabkan kesan imperialisme yang berlarutan apabila Barat mula menjadikan negara-negara Islam sebagai musuh baharu untuk kepentingan politik dan ekonominya selepas tamatnya Perang Dingin.



"Namun tanpa penjajah, kita juga tidak akan bersatu, malah mungkin menjadi berbelas negara," ujarnya dalam Majlis Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN): *Islam Tergugat?* di Dewan Perdana Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) di sini hari ini.

Selain beliau, dua lagi panel turut menjayakan program tersebut iaitu Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid (Pusat Pendidikan Lanjutan Unisza) dan Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang (Akademi Pengajian Islam UM).

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MPN, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose; Naib Canselor Unisza, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dan Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor.

Program advokasi siri ketiga itu anjuran bersama MPN, *Utusan Malaysia* serta Radio dan TV Malaysia (RTM) dengan kerjasama Unisza.

Menurut Mohamad, hanya ummah yang bersatu akan membina kekuatan, dan dalam konteks Malaysia, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ada telah menunjukkan kemampuan menyatukan umat Islam di negara ini berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan dalam masa sama, pelbagai gejala yang berlaku dalam masyarakat hari ini antaranya berpunca kebebasan yang dikecapi menimbulkan perkelahian sesama umat Islam.

Ahmad Hidayat pula berkata, untuk memastikan kesejahteraan Islam di negara ini, ia memerlukan kuasa politik dengan menjadikan agama untuk menarik sokongan rakyat bersatu padu dalam mencorak masa depan.

"(Berbanding negara lain), Malaysia lebih bernasib baik kerana kaedah lebih baik dan dasar Islam dapat dilaksanakan dengan baik," ujarnya.

Justeru, katanya, Malaysia perlu terus dicorakkan sebagai contoh sebuah negara Islam yang dapat

meredakan segala prejudis.

Dr. Ahmad Shukri pula berpendapat, Barat dengan kuasa dan pengaruh yang dibawa tidak harus dipersalahkan sepenuhnya ekoran kelemahan umat Islam dalam pelbagai bidang dan terjejas syiar agama kerana mereka sendiri gagal mengangkat serta menterjemahkan kehebatan Islam, apatah lagi dengan begitu rendah tahap ekonomi mereka.

Justeru katanya, perubahan minda perlu diberi penekanan agar umat Islam dapat bangkit sebagai umat yang kuat termasuk keupayaan untuk berdikari dan turut menguasai pelbagai bidang.

Sementara itu, Dr. Yahaya yang turut mengupas isu itu berkata, masa depan Islam dan umatnya akan terjejas apabila pemimpin tidak meletakkan Islam sebagai agenda utama dan rakyat pula mudah diracuni dengan pelbagai permasalahan termasuk yang sengaja dicituskan oleh musuh Islam.

"Ada sesetengah pemimpin negara Islam bercakap soal amanah dan integriti namun tidak menjadikannya sebagai amalan manakala rakyat pula hanya bersandar hanya satu isu yang digembar-gemburkan untuk menjatuhkan negara Islam," ujarnya.



SEBAHAGIAN daripada profesor dan ahli akademik yang menjayakan Program Advokasi Ilmuwan, Majlis Profesor Negara yang bertajuk *Islam Tergugat?* di UnisZA, Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - UTUSAN/AZLAN BHRUM